KENYATAAN MEDIA
Media Release



UNTUK SIARAN SEGERA

PROJEK MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR LANDASAN BERKEMBAR LEMBAH KLANG ANTARA KL SENTRAL – RAWANG

15 Februari 2017 (Rabu) – Adalah dimaklumkan bahawa KTM Berhad sedang giat meneruskan pelaksanaan projek menaiktaraf infrastruktur Landasan Berkembar Lembah Klang iaitu di antara sektor KL Sentral dan Rawang.

Projek menaiktaraf landasan ini telah dimulakan sejak bulan Mei 2016 yang akan mengambil masa selama empat (4) tahun untuk disiapkan iaitu sehingga tahun 2019.

Projek ini adalah salah satu komitmen penting Kerajaan dan KTMB bagi memberi perkhidmatan yang terbaik, bersepadu, selamat, menepati masa, serta meningkatkan kapasiti dan realibiliti perkhidmatan tren kepada para pengguna di masa akan datang.

Sehubungan itu juga adalah dimaklumkan bahawa kerja-kerja projek kini akan meliputi sektor kritikal iaitu antara KL Sentral dan Segambut.

Apabila kerja-kerja di antara sektor KL Sentral dan Segambut yang dijangka bermula pada 20 Februari 2017 (Isnin) dilaksanakan, maka akan terdapat perubahan terhadap pemberhentian platform tren-tren Komuter dan ETS di Stesen Kuala Lumpur dan Stesen KL Sentral.

Perubahan pemberhentian tren-tren Komuter dan ETS bermula **20 Februari 2017** ialah:-

Perkhidmatan	Stesen Kuala Lumpur		Stesen KL Sentral	
	Platform	Laluan	Platform	Laluan
KTM Komuter	1 & 2	TUTUP SEMENTARA	1 & 2	TUTUP SEMENTARA
	3	B. Caves Rawang / T. Malim	4	Batu Caves Rawang / T. Malim
	4	P. Klang Seremban / Tampin	5	P. Klang
			6	Seremban / Tampin
	*Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke masa			
ETS	3	Semua tren ETS ke Utara (Ipoh/Butterworth/Padang Besar)	3	Semua tren ETS ke Utara dan Selatan
	4	Semua tren ETS ke Selatan (Gemas)		

KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD Jalan Sultan Hishamuddin,50621 Kuala Lumpur
Tel : 03-2263 1142/1106 Fax : 03-2710 5706
www.ktmb.com.my

Dalam usaha untuk melancarkan aliran pergerakan para penumpang, informasi berkaitan perubahan perkhidmatan akan dikemaskini dan disampaikan kepada para pengguna dari masa ke masa.

KTM Berhad memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dialami pada masa kini. Namun, projek menaiktaraf landasan ini amat penting untuk disiapkan demi keselesaan pengguna tren pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan KTM Berhad di talian 03- 2267 1200 atau layari laman sesawang KTM Berhad di www.ktmb.com.my

. . .

Dikeluarkan oleh **Unit Komunikasi Korporat**
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD
Tel: 03-2263 1103/1142
Fax: 03-2710 5706